

Pembaca Kosmo! kini boleh berkongsi foto-foto aktiviti menarik untuk disiarkan dalam ruangan ini. Sila e-mel foto aktiviti bersama keterangan gambar yang disertakan dengan nama dan nombor telefon anda. **E-melkan kepada [komunitikosmo@mediamulia.com.my](mailto:komunitikosmo@mediamulia.com.my)**



**TIMBALAN** Pengarah Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Kedah, Sabri Osman (duduk bertopi) bergambar bersama peserta Skim Lencana Anti Dadah (SLAD) Peringkat Kebangsaan 2023 anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kedah, Kelab PEMADAM Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Unit Jaringan Industri dan Masyarakat, Pusat Pengajian Undang-Undang UUM di Dewan Seminar Pusat Islam, Sintok, Kedah baru-baru ini.

## KOMUNITI KITA



**PENGARAH** Urusan Ikhtiar Factoring, Datuk Noor Roslizam Alias (tengah), dan Ketua Pegawai Eksekutif Datakraf Solutions, Al-Iman Zakaria (tiga dari kanan) bergambar kenangan selepas menandatangani perjanjian persefahaman tiga penjujur mengenai penyelesaian digital dan pembiayaan kontrak kerajaan di Kuala Lumpur baru-baru ini.



**SERAMAI** 36 peserta asnaf Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak hadir pada Majlis Penyampaian Sijil Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata di Hotel Casuarina, Bandar Meru Raya, Ipoh, Perak baru-baru ini.